




KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	18/10/2019	MUKA SURAT	: 31
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		



KAKITANGAN SFC menyelamatkan beruang matahari yang disimpan secara haram di sebuah premis di Sibü.

20 haiwan diselamat SFC

Spesies binatang liar disimpan secara haram

Garret Dawum
garret@hmetro.com.my

Sibü

Sarawak Forestry Corporation (SFC) menyelamatkan lebih 20 haiwan liar pelbagai spesies dalam serbuan di sebuah premis di sini, pada 1 Oktober lalu.

Serbuan jam 12.15 tengah hari itu dijalankan selepas premis terbabit dipercayai menyimpan haiwan liar secara haram.

Antara yang diselamatkan ialah burung kenyalang yang juga haiwan terlindung sepenuhnya, beruang matahari, burung kakak tua, binturong, landak, kura-kura, helang, merpati, buaya, burung tiong emas, tupai, beruk.

Ketua Pegawai Eksekutif SFC, Zolkipli Mohamad Aton berkata, disebabkan pemilik gagal menunjukkan sebarang lesen atau permit menyimpan haiwan itu, kesemua haiwan terbabit kini berada di bawah jagaan SFC.

"Bagi menjamin kebajikan, SFC akan menghantar haiwan itu ke Pusat Hidupan Liar Matang untuk dipelihara sementara sebelum dilepaskan ke habitat asal.

"Pemilik seharusnya

mendapatkan pengesahan berkenaan haiwan terbabit kerana menyimpan spesies terlindung secara haram boleh dipenjara sa-



SFC akan menghantar haiwan itu ke Pusat Hidupan Liar Matang untuk dipelihara sementara sebelum dilepaskan ke habitat asal"

Zolkipli Mohamad Aton

tu tahun dan didenda RM10,000, jika sabit kesalahan.

"Malah, menyimpan spesies terlindung sepenuhnya pula boleh dikenakan denda maksimum RM50,000 dan penjara lima tahun," katanya dalam kenyataan, semalam.

Orang ramai yang mempunyai maklumat berkenaan perdagangan hidupan liar digalakkan membuat laporan menerusi hotline SFC di talian 016-8565564 / 019-8859996 (Kuching), 019-8883561 (Sibü), 019-8223449 / 019-8332737 (Bintulu) dan 019-8290994 / 018-9799778 (Miri).



KAKITANGAN SFC turut menyelamatkan burung helang yang disimpan secara haram.